

SH 4/7/2019 M/S 20

75 nelayan Vietnam curi hasil laut negara ditangkap

KUALA LUMPUR - Seramai 75 nelayan warga Vietnam ditahan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA) Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerusi Ops Gelora Khas yang diadakan pada 18 hingga 30 Jun lalu.

Operasi selama 13 hari itu diadakan di kawasan perairan Kelantan, Pahang dan Terengganu dengan rampasan termasuk membabitkan lapan buah bot nelayan asing dan sebuah bot nelayan tempatan dianggarkan berjumlah RM5.7 juta.

Pengarah JKDNKA, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, operasi ini dilakukan bagi membanteras kegiatan nelayan asing terutamanya warga Vietnam yang menjalankan kegiatan

menangkap ikan tanpa kebenaran di perairan Pantai Timur.

“Sepanjang operasi ini, sebanyak lapan bot nelayan asing warga Vietnam dan sebuah bot yang didaftarkan atas lesen nelayan tempatan berjaya dikesan.

“Susulan itu, kita telah bertindak menahan seramai 75 warga Vietnam,” katanya dalam sidang akhbar di Bukit Aman, di sini, semalam.

Malah difahamkan, semasa serbuan, ada bot nelayan Vietnam dibakar oleh mereka sendiri untuk menghapuskan bukti.

Acryl Sani berkata, kesemua tahanan dan rampasan diserahkan kepada Jabatan Perikanan untuk tindakan selanjutnya.